




PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2017

**PENGHANTARAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN
(PTK) SEMASA MENERIMA PANGGILAN KECEMASAN**

Diedarkan kepada :

Semua Pengarah Negeri



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880964
Faks : 603-88880966
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : ppoip@bomba.gov.my



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS:600-3 Jilid 3 (32)
Tarikh : 13 Julai 2017

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2017

PENGHANTARAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (PTK) SEMASA MENERIMA PANGGILAN KECEMASAN

1. PENDAHULUAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada petugas Pusat Gerakan Operasi (PGO) dan Pusat Pengurusan Operasi (PPO) untuk menggerakkan Pasukan Tindakan Kecemasan (PTK) ke tempat kejadian sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan.

2. LATAR BELAKANG

Sistem MERS 999 yang dibangunkan oleh kerajaan mampu menganalisa dan mencadangkan keluaran jentera yang tepat/bersesuaian berdasarkan maklumat yang diterima dan dikunci masuk oleh petugas di Pusat Panggilan Kecemasan ke dalam sistem. Sistem asal yang dibangunkan adalah direka bentuk untuk satu kawasan kecil seperti untuk sebuah pihak berkuasa tempatan. Penggunaan sistem ini adalah meliputi ke seluruh negara. Bagi memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan sempurna, maka kajian dan pengubahsuaian terhadap sistem MERS 999 perlu dilaksanakan. Oleh kerana terdapat kekangan dalam membuat kajian dan pengubahsuaian, maka jabatan mengambil keputusan untuk mewujudkan Perintah Tetap Ketua Pengarah : Bil.1/2017

Penghantaran Pasukan Tindakan Kecemasan (PTK) Semasa Menerima Panggilan Kecemasan untuk dijadikan panduan.

3. TAFSIRAN

- 3.1. PTK – Pasukan Tindakan Kecemasan. Ia merupakan pasukan yang digerakkan untuk menghadiri panggilan kecemasan yang melibatkan keluaran jentera seperti Water Tender, Fire Rescue Tender (FRT), Light Fire Rescue Tender (LFRT), Turn Table Ladder (TTL), Rapid Rescue Vehicle (RRV), High Performance Pump Module (HPPM), UNIT KHAS (EMRS, PPDA, HAZMAT, STORM, K9) dan lain-lain.
- 3.2. MERS 999 – Malaysian Emergency Response Services.
- 3.3. KOD KELUARAN – Penetapan PTK yang perlu dihantar sebagai keluaran pertama dan kehadiran pegawai di tempat insiden.

JADUAL 1

	Kod Keluaran	Bilangan Keluaran PTK	Kategori	Kehadiran Pegawai
Kebakaran Bangunan	KB 1	2 FRT, 1 EMRS.	Bangunan 4 Tingkat Ke Bawah	Ketua Balai
			Rumah Teres	
			Rumah Banglo	
			Sekolah	
	KB 2	3 FRT, 1 EMRS, 1 TTL.	Bangunan 5 Hingga 10 Tingkat	Ketua Balai, Ketua Zon
			Kilang Kecil Dan Sederhana	
			Hotel Kecil Dan Sederhana	
	KB 3	3 FRT, 1 EMRS, 1 TTL, Water Tanker.	Bangunan Melebihi 10 Tingkat	Ketua Balai, Ketua Zon, Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON)
			Kilang Besar	
			Hospital	
	KB 4	Pelbagai Jentera Mengikut Keperluan.	Kilang Memproses Bahan Kimia	Ketua Balai, Ketua Zon, Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON)
			Bangunan Menyimpan Bahan Letupan / Apa-apa Petunjuk Barangan Bahaya	
Kebakaran Kenderaan	KK 1	1 FRT, 1 EMRS	1 hingga 5 Kenderaan Persendirian (≤ 1 Tan)	Ketua Balai
			1 hingga 3 kenderaan penumpang (≥ 1 Tan)	
	KK 2	2 FRT, 1 EMRS	6 hingga 10 Kenderaan Persendirian (≤ 1 Tan)	
			4 hingga 6 kenderaan penumpang (≥ 1 Tan)	Ketua Balai, Ketua Zon.
			Kereta Api	
			Kapal Terbang	
			Kapal Laut	
	KK 3	2 FRT, 1 EMRS, Pasukan Hazmat	Kenderaan Dengan Muatan Minyak atau Bahan Bahaya	Ketua Balai
Kebakaran Terbuka	KT	1 FRT, 1 EMRS	Lalang	
			Hutan	
			Sampah	

4. PELAKSANAAN

4.1. Penghantaran PTK

- 4.1.1 Petugas PGO bertanggungjawab untuk menggerakkan PTK bagi keluaran pertama mengikut ketetapan seperti di **Jadual 1**.
- 4.1.2 PTK yang dihantar hendaklah daripada PTK yang paling hampir dengan tempat kejadian yang ada pada ketika itu yang mungkin daripada pelbagai balai.
- 4.1.3 Krew pasukan khas juga merupakan anggota pemadam dan penyelamatan. Sekiranya krew pasukan khas yang hadir tidak/belum melaksanakan tugas khas tersebut, maka krew ini hendaklah melaksanakan tugas pemadaman dan penyelamatan. Begitu juga sebaliknya tetapi hanya sebagai pembantu dengan pengawasan pasukan khas tersebut.
- 4.1.4 Pasukan Hazmat hendaklah dihantar dikeluarkan sekiranya terdapat maklumat adanya bahan kimia di lokasi insiden.
- 4.1.5 Insiden yang dijangka mengambil masa melebihi 24 jam memerlukan pengurusan zon untuk mengambil alih tugas pengurusan.

4.2. Bantuan

- 4.2.1 Bantuan PTK dan logistik lain perlu dihantar berdasarkan permintaan/persetujuan daripada Komander Insiden.
- 4.2.2 Rujuk Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 iaitu Operasi Kebombaan JBPM/PK/01.

5. PEMAKAIAN


Arahan ini hendaklah digunapakai dan dipatuhi bagi semua penghantaran PTK ke tempat insiden sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan.

6. KUATKUASA

Arahan ini mula berkuatkuasa pada 24 Julai 2017

7. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya arahan ini, Surat Arahan Keluaran Jentera (Water Tender) dan Keluaran Penyelia, Pegawai Operasi, Ketua Balai, Ketua Zon dan Penolong Pengarah Operasi, JBPM/OPS/013/2/3/3 (7) bertarikh 4 Februari 2011 dengan ini dibatalkan.



(DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh : 24/7/17

SENARAI EDARAN

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya